

12/03/2002

BN umum calon DUN Ketari petang ini

KUALA LUMPUR, Isnin - Barisan Nasional (BN) akan mengumumkan nama calonnya bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, di ibu pejabat BN di Bentong, petang esok.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata parti itu sudah menyenarai pendek dua nama daripada empat nama yang dicalonkan untuk bertanding pada pilihan raya itu.

Beliau berkata calon terbabit ialah seorang doktor dan peguam. Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan nama calon berkenaan.

Siapa calonnya bergantung pengesahan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis jamuan makan malam meraikan Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini malam ini.

Dr Lim dijadualkan bertemu Perdana Menteri esok untuk membincang dan memutuskan calon pilihan raya kecil berkenaan.

Peguam dan doktor yang disebut-sebut sebagai calon itu masing-masing ialah Pengerusi Gerakan cawangan Ketari, Yum Ah Ha, 51 dan Timbalan Pengerusi Gerakan cawangan Perting, Dr Ng Keong Chye, 46.

Pilihan raya kecil Ketari itu diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya, Loke Koon Kam, minggu lalu.

Ditanya mengenai peluang mempertahankan kerusi itu, Dr Lim berkata, semua parti komponen BN perlu bekerja keras bagi memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya kecil itu.

(END)